



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7043  
: 03-5544 7045  
Fax : 03-5510 3062

**selangorku**

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh IPK.Sel. Pent. 100-1/7/1 (6)  
8 R'Akhir 1434H  
19 Februari 2013

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah  
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING SUK BIL.1 TAHUN 2013**

**SITUASI, FUNGSI DAN LIMITASI SEBAGAI " CARETAKER GOVERNMENT"**


Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat Pekeliling Setiausaha  
Kerajaan Negeri Selangor daripada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri  
Selangor bertarikh 4 Februari 2013 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta  
**mengambil perhatian akan para 1 hingga 3 dan Pekeliling Bil. 1 Tahun 2013**  
berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)**  
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

---

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2013**

---

**SITUASI, FUNGSI DAN LIMITASI SEBAGAI “*CARETAKER  
GOVERNMENT*”**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan situasi, fungsi dan limitasi sebagai “*Caretaker Government*”. Makluman berhubung perkara ini adalah perlu sebagai persediaan bagi menghadapi pilihanraya umum ke-13 untuk pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor agar segala tindakan yang diambil selaras dari segi undang-undang.

## 2. TAFSIRAN KERAJAAN 'CARETAKER'

2.1 Menurut *The American Heritage Dictionary*, "Caretaker" bermaksud –

**"One that temporarily performs the duties of an office: The government resigned, but the premier served as caretaker until new leaders could be elected."**

2.2 Seterusnya, *Macmillan Dictionary* mentafsirkan perkataan "Caretaker Government" seperti berikut –

**"a temporary government that is in charge of a country until a new government is elected."**

2.3 Manakala *Merriam-Webster Dictionary* memberi tafsiran "Caretaker Government" sebagai –

**"one temporarily fulfilling the function of office"**

2.4 Berdasarkan tafsiran di atas, dapatlah disimpulkan bahawa "Caretaker Government" di dalam sesuatu sistem demokrasi berparlimen adalah suatu Kerajaan yang wujud dan berfungsi secara sementara sementara menunggukan sebuah Kerajaan baru dibentuk hasil Pilihan Raya Umum (PRU) yang diadakan.

2.5 Dari sudut Kerajaan Negeri, "Caretaker Government" adalah terdiri dari Menteri Besar dan juga ahli MMKN yang lain yang berfungsi selaras dengan portfolio masing-masing. Jika dibandingkan

dengan Kerajaan Persekutuan, kedudukan Menteri Besar adalah sama dengan Perdana Menteri, manakala kedudukan ahli MMKN adalah sama dengan Menteri Kabinet yang lain.

### **3. PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

#### **A- PEMBUBARAN DEWAN NEGERI**

##### **3.1 Perkara LXX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959**

memperuntukkan seperti berikut:

**“Summoning, prorogation and dissolution of Legislative Assembly**

**LXX. (1) His Royal Highness shall from time to time by Proclamation published in the Gazette summon the Legislative Assembly and shall not allow six months to elapse between the last sitting in one session and the date appointed for its first sitting in the next session.**

**(2) His Royal highness may prorogue or dissolve the Legislative Assembly.**

**(3) The Legislative Assembly unless sooner dissolved shall continue for five years from the date of its first sitting and shall then stand dissolved.**

**(4) Whenever the Legislative Assembly is dissolved a general election shall be held within sixty days from the date of dissolution and the new Legislative Assembly shall be**



summoned to meet on a date not later than ninety days from that date.

**(5) A casual vacancy shall be filled within sixty days from the date on which it occurs:**

**Provided that if a casual vacancy is established on a date within two years of the date the Legislative Assembly shall, in accordance with Clause (3), stand dissolved, such casual vacancy shall not be filled unless the Speaker notifies the Election Commission in writing that the numerical strength of the party that constitutes a majority of all the members of the Legislative Assembly is being affected by that vacancy, in which event such vacancy shall be filled within sixty days from the date of the receipt of that notification.”**

- 3.2 Tarikh Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-11 dibubarkan adalah pada 13 Februari 2008 dan tarikh Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-12 adalah pada 22 April 2008.
- 3.3 Oleh yang demikian berdasarkan kepada **Fasal (3) Perkara LXX, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959** dan juga kepada tarikh-tarikh di atas, tarikh tamat tempoh lima tahun Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-12 adalah pada **21 April 2013**. Maka, pada 22 April 2013, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-12 hendaklah terbubar.

## **B- TEMPOH MASA “CARETAKER GOVERNMENT” BERFUNGSI**

3.4 Tempoh masa “*Caretaker Government*” berfungsi selepas pembubaran Dewan Negeri adalah pada maksimumnya selama 90 hari. Ini berikutan, PRU hendaklah diadakan dalam masa 60 hari dari tarikh Dewan Negeri dibubarkan dan Dewan Negeri yang baru hendaklah dipanggil bermesyuarat pada satu tarikh tidak lewat daripada 90 hari dari tarikh itu. Ini adalah selaras dengan **Perkara LXX(4) Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959** yang memperuntukkan –

“**LXX. (4)** Whenever the Legislative Assembly is dissolved a general election **shall be held within sixty days from the date of dissolution** and the new Legislative Assembly shall be summoned to meet **on a date not later than ninety days from that date.**”

3.5 Ini juga berdasarkan kepada tempoh masa perkhidmatan ahli MMKN yang berterusan selepas pembubaran Dewan Negeri yang hanya terhenti selepas sesi pertama Dewan Negeri yang baru. Ini adalah selaras dengan **Perkara XCIX(2) Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959** yang memperuntukkan –

“**XCIX. (2)** After the dissolution of the first or a subsequent Legislative Assembly the State Executive Council shall consist of the Menteri Besar and all those persons who were members of the State Executive Council immediately before the dissolution of the Legislative Assembly **but no such person shall continue to hold office after the beginning**

of the first session of the new Legislative Assembly

unless he is a member of that Legislative Assembly.”

- 3.6 Walaupun begitu telah menjadi satu konvensyen di Malaysia, “*Caretaker Government*” akan berhenti dari berfungsi dan jawatan Menteri Besar dan ahli MMKN yang lain secara automatik ditamatkan **selepas pengumuman Parti yang memenangi PRU diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya**. Hanya sekiranya Parti Memerintah memenangi PRU, maka fungsi “*Caretaker Government*” akan berterusan sehinggalah pembentukan Kerajaan baru dilakukan secara rasmi dengan pelantikan Menteri Besar dan ahli MMKN yang baru dibuat.
- 3.7 Sekiranya Parti Memerintah tidak memenangi PRU, Setiausaha Kerajaan Negeri akan memainkan peranan utama untuk memastikan peralihan kuasa berjalan dengan aman dan lancar.
- 3.8 Dalam keadaan sekiranya berlaku “*Hung Government*”, dengan mengambil kira konvensyen yang telah diamalkan di Malaysia dan juga peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, “*Caretaker Government*” masih boleh meneruskan fungsinya sehingga Kerajaan baru dibentuk atau sehingga Parti Pembangkang berjaya mewujudkan gabungan dengan Parti Bebas dan menjadi satu gabungan majoriti dalam Dewan Negeri. Walaupun begitu, fungsi sebagai “*Caretaker Government*” hanya boleh diteruskan sekiranya Parti Memerintah memenangi bilangan kerusi yang lebih besar berbanding Parti Pembangkang dan Parti Bebas.



- 3.9 Dengan wujudnya gabungan majoriti antara Parti Pembangkang dan Parti Bebas secara rasmi, "*Caretaker Government*" akan berhenti dari berfungsi dan jawatan Menteri Besar dan ahli MMKN yang lain secara automatik ditamatkan.

### **C- FUNGSI DAN LIMITASI "CARETAKER GOVERNMENT"**

- 3.10 Sehingga Kerajaan baru dibentuk, Kerajaan yang lama akan berfungsi sebagai "*Caretaker Government*" tetapi dengan kuasa yang amat terhad iaitu hanya menjalankan tugas atau fungsi yang merupakan rutin pentadbiran sahaja.
- 3.11 Mesyuarat MMKN juga tidak diadakan kerana tiada keputusan dasar yang baru boleh dibuat. Namun begitu, lain-lain mesyuarat yang tidak melibatkan pemutusan dasar baru bolehlah dijalankan agar kelancaran pentadbiran harian Kerajaan dapat dikekalkan. Sebarang keputusan dan kelulusan untuk program atau dasar baru hendaklah ditangguhkan sehingga Kerajaan baru dibentuk. Memandangkan bahawa dalam tempoh pembubaran Dewan itu, mandat baru sedang dinantikan, maka tidaklah wajar fungsi eksekutif dijalankan sehingga peringkat membuat dasar baru atau mengubah dasar sedia ada atau membuat kontrak atau keputusan yang tidak benar-benar perlu untuk membolehkan jentera Kerajaan berjalan seperti biasa.
- 3.12 Hanya program atau dasar sedia ada atau apa-apa dasar yang telah diputuskan dan diluluskan dalam mesyuarat MMKN sebelum tarikh Dewan Negeri dibubarkan sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk diteruskan pelaksanaannya sekiranya



terdapat keperluan yang mendesak untuk berbuat demikian. Sekiranya tiada, pelaksanaannya bolehlah ditangguhkan sehingga Kerajaan baru dibentuk. Ini bermakna kerajaan '*caretaker*' boleh meneruskan dan mengimplementasikan mana-mana program atau polisi sedia ada yang mana peruntukan berkaitannya telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum tarikh pembubaran sahaja.

- 3.13 Namun demikian, sekiranya berlaku situasi mendesak di mana Kerajaan diperlukan untuk membuat keputusan berhubung polisi/dasar penting Kerajaan yang akan mengikat Kerajaan baru dalam tempoh Kerajaan "*caretaker*" ini, Parti Memerintah lazimnya akan berunding dengan wakil Parti Pembangkang terlebih dahulu sebelum mencapai keputusan sepakat.
- 3.14 Berhubung dengan status perjanjian-perjanjian yang melibatkan Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Negeri sama ada ianya boleh ditandatangani dalam tempoh pembubaran Dewan, jika keputusan telah dibuat tentang sesuatu kontrak atau perjanjian sebelum Dewan terbubar, maka kontrak atau perjanjian tersebut boleh diteruskan dan ditandatangani seandainya diperlukan untuk dimeterai dalam tempoh ini juga.
- 3.15 Ini bermakna, sebarang pementeraian **kontrak utama** (*major contract*) ataupun akujanji hendaklah sama sekali dielakkan dalam tempoh kerajaan '*caretaker*' berfungsi. Walau bagaimanapun, kontrak atau perjanjian yang bukan dalam kategori '*major*' bolehlah dimeterai sekiranya benar-benar perlu namun disaran untuk memasukkan klausa yang memperuntukkan mengenai hak penamatan perjanjian dalam keadaan sekiranya kerajaan baru

tidak berhasrat untuk meneruskan kontrak tersebut. Ini termasuklah jua **proses tender** kerajaan di mana jabatan/agensi kerajaan perlu mengingatkan petender-petender tentang implikasi pilihanraya dan kebarangkalian bahawa proses tender tidak dapat disempurnakan dalam hal sekiranya pucuk pimpinan kerajaan bertukar tangan.

3.16 Begitu juga dengan projek-projek pembangunan. Hanya yang telah diluluskan dalam mesyuarat MMKN sebelum tarikh Dewan Negeri dibubarkan dan yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk diteruskan pelaksanaannya. Walaupun begitu sekiranya tiada keperluan yang mendesak, pelaksanaannya bolehlah ditangguhkan sehingga Kerajaan baru dibentuk.

3.17 Manakala sebarang **pelantikan ke jawatan penting** seperti pelantikan pegawai-pegawai statutori, lembaga atau jawatankuasa juga hendaklah dielakkan semasa tempoh '*caretaker*' ini. Sebarang pelantikan berkenaan sewajarnya ditangguhkan sehinggalah berakhirnya tempoh '*caretaker*' berlangsung. Begitu juga bagi mana-mana ahli lembaga atau ahli jawatankuasa yang diwujudkan di bawah Kerajaan hendaklah bersedia meletakkan jawatan atau berundur dari memegang jawatan sementara tempoh kempen pilihanraya sekiranya keahlian sebagai lembaga pengarah atau jawatankuasa tersebut mempunyai konflik dari segi kepentingan peribadi atau kepentingan kewangan yang mana berkenaan.



3.18 Berhubung dengan status sama ada Ahli MMKN boleh terus memegang jawatan dan menjalankan tugas serta fungsinya, Proviso kepada **Perkara LIII Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959** secara tersirat membenarkan seseorang Ahli MMKN memegang jawatan sehinggalah bermulanya penggal baru Dewan Negeri. Ianya antara lain memperuntukkan seperti berikut:-

**“...But if an appointment is made while the Legislative Assembly is dissolved, a person who was a member of the last Legislative Assembly may be appointed but shall not continue to hold office after the first sitting of the next Legislative Assembly, unless he is a member thereof.”**

Peruntukan tersebut membenarkan pelantikan seseorang Ahli Dewan Negeri dibuat ketika Dewan terbubar. Oleh itu, Ahli MMKN yang dilantik boleh terus memegang jawatan dan melaksanakan tugas serta fungsinya. MMKN akan terus wujud sebagai Kerajaan “*caretaker*” dan seorang Ahli MMKN yang menganggotainya bolehlah menjalankan tanggung jawab atau fungsi eksekutif mereka dalam tempoh pembubaran Dewan. Namun begitu, fungsi itu wajarlah dilaksanakan setakat fungsi ‘*caretaker*’ sahaja.

3.19 Pentadbiran awam sepanjang tempoh pembubaran Dewan Negeri terutama sekali sewaktu tempoh berkempen hendaklah bersifat telus serta tidak memihak kepada mana-mana Parti, samada Parti Memerintah atau Parti Pembangkang. Ini adalah bersesuaian dengan peranan kakitangan awam yang berkhidmat secara bebas dan profesional semata-mata untuk kepentingan Negeri dan juga rakyat.

- 3.20 Sebarang penggunaan aset/fasiliti dan kakitangan Kerajaan Negeri bagi tujuan politik atau bagi tujuan berkempen PRU adalah dilarang sama sekali. Sebagai contoh penggunaan kenderaan rasmi dan bangunan Kerajaan Negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri bagi tujuan kempen PRU hendaklah dielakkan sama sekali. Ini termasuk penggunaan bilik-bilik mesyuarat, telefon kerajaan, mesin faksimili, e-mel, komputer dan mesin fotokopi milik kerajaan juga hendaklah dielakkan bagi tujuan politik.
- 3.21 Dalam tempoh ini juga, mana-mana pihak tidak boleh menggunakan premis Kerajaan Negeri bagi menjalankan aktiviti berbentuk politik termasuk juga mengambil pekhidmat awam untuk terlibat dalam dialog-dialog politik, ataupun menggunakan pekhidmat awam untuk sokongan logistik bagi acara politik yang dianjurkan.
- 3.22 Semua pekhidmat awam termasuklah kakitangan kerajaan negeri serta kakitangan agensi/badan berkanun kerajaan negeri hendaklah tertakluk kepada etika kerja yang ditetapkan semasa tempoh pentadbiran kerajaan '*caretaker*'. Sebarang konflik yang melibatkan kepentingan peribadi, kelakuan pekhidmat awam yang boleh mengundang persepsi negatif masyarakat, penglibatan pekhidmat awam secara aktif dan bersendirian di dalam kempen-kempen politik hendaklah dielakkan sama sekali.
- 3.23 Dalam tempoh ini juga, pekhidmat awam adalah dilarang daripada memakai atau mempamerkan lencana, logo atau apa-apa material yang berbentuk politik di tempat kerja. Pekhidmat awam juga



hendaklah mengehadkan diri dari membuat sebarang pernyataan rasmi yang boleh mengundang kontroversi di acara-acara rasmi Kerajaan.

- 3.24 Dari segi kelayakan peruntukan kewangan, sebarang tuntutan bayaran balik berkaitan dengan kempen politik atau aktiviti politik tidak dibenarkan sama sekali di mana kos bagi aktiviti berkenaan seharusnya ditanggung oleh parti politik masing-masing.
- 3.25 Oleh itu kerajaan “*caretaker*” perlu memastikan pemisahan antara entiti kerajaan dengan parti politik. Jentera kerajaan di semua peringkat tidak boleh terlibat dalam kempen politik berbentuk kepartian. Pemimpin kerajaan hanya boleh berkempen atas kapasiti parti dan bukannya atas kapasiti jawatan kerajaan yang disandang.
- 3.26 Namun begitu, ini tidaklah bermakna bahawa pekhidmat awam langsung tidak dibenarkan mengambil bahagian di dalam PRU. Perlu ditekankan bahawa pekhidmat awam juga merupakan warganegara sah dan selaku ahli komuniti masyarakat juga mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam melunaskan tanggungjawab untuk mengundi.

#### **D-PERANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

- 3.27 Penjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri dalam erti kata sebenarnya terletak di tangan Setiausaha Kerajaan Negeri yang **mempunyai kuasa pemutus** untuk memutuskan samada arahan

yang dikeluarkan oleh “*Caretaker Government*” boleh dilaksanakan atau tidak.

3.28 Oleh itu mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri perlulah terlebih dahulu merujuk kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memastikan sesuatu arahan yang dikeluarkan boleh dilaksanakan atau tidak. Antara peranan utama Setiausaha Kerajaan Negeri ialah untuk memastikan tiada dokumen atau fail sulit Kerajaan Negeri termasuk harta benda milik Kerajaan dibawa keluar dari pejabat Menteri Besar, Ahli MMKN dan Speaker Dewan Negeri dan hanya dokumen atau barangan milik peribadi sahaja yang boleh dibawa keluar. Setiausaha Kerajaan Negeri juga hendaklah memastikan tiada pencerobohan ke dalam bangunan dan pejabat Kerajaan berlaku sepanjang tempoh tersebut.

3.29 Rujukan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri adalah suatu kemestian yang perlu dipatuhi secara ketat untuk mengelakkan mana-mana kakitangan awam dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan baru yang dibentuk hasil dari PRU.

### **E- KUASA DAN PERANAN DYMM SULTAN SELANGOR**

3.30 Kuasa eksekutif Negeri terletak pada DYMM Sultan Selangor sahaja selaras dengan **Perkara L Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959** yang memperuntukkan –

**“L. The executive authority of the State shall be vested in His Royal Highness and exercisable, unless otherwise provided by the Federal Constitution or this Constitution, by Him or by**

the State Executive Council or any member of the State Executive Council authorized by State Executive Council, but executive functions may by law be conferred on other persons or authorities.”

3.31 Berikutan dengan peletakhakan kuasa eksekutif tersebut, Baginda adalah Ketua Eksekutif Negeri. Berbanding dengan Menteri Besar dan MMKN yang pada ketika PRU berlangsung hanya bertindak sebagai Kerajaan “*Caretaker*”, kuasa dan kedudukan Baginda tersebut adalah berterusan dan tidak terjejas dengan pembubaran Dewan Negeri.

3.32 Sebagai Ketua Eksekutif Negeri, Baginda bertanggung jawab untuk memastikan pembentukan Kerajaan berjalan lancar dan Kerajaan yang ditubuhkan adalah merupakan Kerajaan yang stabil dan efektif di samping dapat mewujudkan suasana yang aman dan makmur dalam Negeri Selangor.

3.33 Walau bagaimanapun, **Fasal (1) Perkara LV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959** memperuntukkan-

**“Pada menjalankan fungsi Baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, Duli Yang Maha Mulia hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh**



**Kerajaan ini; tetapi adalah berhak atas permintaan Baginda untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.”**

Berdasarkan kepada peruntukan ini, DYMM Tuanku hendaklah membuat keputusan berdasarkan atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis iaitu YAB Dato' Menteri Besar.

- 3.34 Peruntukan yang sama juga terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan di mana **Fasal (1) Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan** yang memperuntukkan :-

**“Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat:**

**(1) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini; tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak, atas permintaannya, untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri.”**

- 3.35 Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 di atas, isu yang timbul adalah sama ada DYMM Tuanku masih dikehendaki



membuat keputusan berdasarkan atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau YAB Dato' Menteri Besar memandangkan dalam tempoh kerajaan "*caretaker*", MMKN tidak bersidang dan tiada dasar/polisi baru yang boleh diputuskan oleh MMKN. Justeru itu, adakah terdapat keperluan untuk DYMM Tuanku bertindak mengikut nasihat MMKN atau YAB Dato' Menteri Besar dalam tempoh kerajaan "*caretaker*" berfungsi.

- 3.36 Dalam kes **Abdul Ghani Ali v. Pendakwa Raya (2001) AMR 4317**, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perkataan "hendaklah" dalam Perkara 43(1) Perlembagaan Persekutuan menunjukkan bahawa Jemaah Menteri perlu wujud pada setiap masa untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong walaupun Parlimen dibubarkan. Kes ini juga telah memutuskan bahawa Perisytiharan Darurat yang dibuat dalam tahun 1969 ketika Parlimen telah dibubarkan dan Kerajaan baru belum dilantik adalah sah oleh kerana wujudnya Kerajaan "*caretaker*". Untuk makluman, kuasa untuk membuat Perisytiharan Darurat adalah salah satu fungsi Yang di-Pertuan Agong di bawah Perlembagaan.
- 3.37 Selanjutnya dalam kes **Public Prosecutor v. Mohd Amin bin Mohd Razali & Ors [2002] 5 MLJ** juga memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan terletak di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri.
- 3.38 Berdasarkan rujukan terhadap kes Abdul Ghani Ali dan kes Mohd Amin di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa walaupun kuasa

eksekutif Negeri terletak pada DYMM Tuanku, namun pada masa yang sama Baginda hendaklah juga pada setiap masa bertindak atas nasihat MMKN atau nasihat seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis. Namun begitu, memandangkan dalam tempoh kerajaan “caretaker” berfungsi, MMKN tidak bersidang dan tiada polisi/dasar baru yang diputuskan oleh MMKN, maka secara praktikalnya peruntukan ini tidaklah terpakai dalam tempoh kerajaan “caretaker” berfungsi.

3.39 Walaupun kuasa prerogatif DYMM Sultan Selangor telah dihadkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dari segi perlu bertindak mengikut nasihat MMKN atau seorang yang telah diberikuasa oleh MMKN (Menteri Besar), **kuasa prerogatif Baginda selain daripada yang telah dihadkan tersebut masih tetap terpelihara.**

3.40 Ini adalah selaras dengan **Perkara XCVI Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959** yang memperuntukkan-

**“XCVI. Except as expressed herein, this Constitution shall not affect the prerogatives, powers and jurisdiction of His Royal Highness.”**

3.41 Oleh yang demikian, Baginda masih mempunyai kuasa prerogatif dan masih boleh menjalankan apa-apa fungsi selain dari yang telah dihadkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.



## **F - PERATURAN BERKAITAN PENGLIBATAN PEGAWAI AWAM DALAM KEGIATAN POLITIK**

3.42 Bagi melaksanakan hak dan tanggung jawab sebagai rakyat, pegawai awam juga turut terlibat dalam proses PRU. Sehubungan itu, peraturan berhubung penglibatan pegawai awam dalam kegiatan politik hendaklah dipatuhi.

### **(i) Penglibatan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

3.43 Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Berdasarkan **sub peraturan 21(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**, semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh :-

- a) Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- b) Menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- c) Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu PRU, pilihan raya kecil, atau mana-mana pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;

- d) Bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- e) Masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- f) Memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

## ii) Penglibatan Pegawai dalam Kumpulan Sokongan

3.44 Pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik setelah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian, mengikut mana yang berkenaan.

3.45 Walaupun pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh mengambil bahagian dalam politik, namun mereka hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996** seperti berikut :-

- a) Kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai pegawai Kerajaan;
- b) Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat;
- c) Pegawai hendaklah memohon cuti selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu pejabat;
- d) Tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi



atau bagi sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya;

- e) Tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi pejabat untuk tujuan kegiatan politik;
- f) Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tata kelakuan dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya; dan
- g) Pihak berkuasa yang meluluskan boleh menarik balik kelulusan yang diberikan kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan yang sama.

3.46 Manakala bagi Pegawai Awam Negeri Selangor pula tertakluk untuk mematuhi **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995** yang ditetapkan.

3.47 Dalam keadaan apa sekalipun, semua pegawai awam hendaklah terus memberikan komitmen dan tumpuan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk merealisasikan segala polisi dan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

#### **4. RUMUSAN**

4.1 "*Caretaker Government*" berperanan secara sementara untuk melancarkan perjalanan pentadbiran jentera Kerajaan sepanjang tempoh pembubaran Dewan Negeri dan sehingga pembentukan Kerajaan baru.

- 4.2 Walaupun begitu kuasa dan fungsi "*Caretaker Government*" adalah amat terhad kepada yang bersifat pentadbiran sahaja. Oleh yang demikian, secara umumnya pelaksanaan "*Caretaker Government*" tidak melibatkan perubahan organisasi, tetapi lebih melibatkan perubahan fungsi.
- 4.3 Di Malaysia setakat ini tiada garis panduan yang lengkap telah diwujudkan mengenai fungsi dan kuasa "*Caretaker Government*" dan juga pentadbiran Kerajaan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara (di peringkat Persekutuan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri (di peringkat Negeri).
- 4.4 Oleh kerana ketiadaan garis panduan yang lengkap, Setiausaha Kerajaan Negeri perlulah memainkan peranan yang besar untuk memastikan kredibiliti pentadbiran awam sepanjang tempoh pembubaran Dewan Negeri dan sepanjang tempoh berkempen senantiasa terpelihara.
- 4.5 Walau apapun, adalah menjadi tanggungjawab pekhidmat awam untuk memastikan bahawa penubuhan dan pembentukan kerajaan baru dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur dari segi undang-undang. Untuk tujuan itu, semua tindakan perlulah dibuat secara profesional, neutral, telus serta tidak menyebelahi kepada mana-mana pihak.


## **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

## 6. PEMAKAIAN

Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Agensi dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor hendaklah mematuhi dan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

Disediakan oleh:



(DATIN PADUKA ZAUYAH BE BT. T. LOTH KHAN)

Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh : 13/2/13